



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS PENDAPATAN
DI BAWAH PERENGGAN 4(f)**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2010

TARIKH KELUARAN: 19 APRIL 2010



**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN DI BAWAH PERENGGAN 4(f)**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA **Ketetapan Umum No. 1/2010**
Tarikh Keluaran: 19 April 2010

KANDUNGAN	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Pendapatan di bawah perenggan 4(f) yang dikenakan cukai	1 - 2
4. Perolehan laba atau keuntungan di bawah perenggan 4(f)	2 - 3
5. Penjelasan pendapatan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f)	3 - 9
6. Potongan cukai pegangan	9 - 10
7. Pembayar tidak memotong dan meremit cukai	10 - 11
8. Cukai pegangan dan memfail Borang Cukai Pendapatan	11
9. Hutang kepada pembayar	11 - 12
10. Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali	12
11. Bayaran cukai pegangan	12 - 14
12. Dokumen yang diperlukan	14
13. Laba atau keuntungan yang diterima daripada syarikat luar pesisir	14 - 15
14. Tarikh kuat kuasa	15

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini memberi penjelasan berkenaan:
 - (a) pendapatan orang tidak bermastautin yang dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP);
 - (b) potongan cukai daripada pendapatan tersebut; dan
 - (c) tanggungjawab memotong dan meremit cukai yang telah dipotong daripada pendapatan tersebut.
2. Peruntukan ACP yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah perenggan 4(f), 6(1)(k), seksyen 7, 8, 15B, 28, 29, perenggan 39(1)(j), subseksyen 106(1), seksyen 109F dan Bahagian XIII, Jadual 1.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Mengkredit” bermakna lebih daripada satu catatan jurnal atau satu akruan bagi liabiliti dalam akaun pembayar dan sejumlah amaun adalah dianggap sebagai telah dikreditkan jika amaun tersebut boleh didapati untuk kegunaan atau bagi manfaat penerima yang tidak bermastautin.
 - 3.2 “Orang” berhubung dengan pembayar, termasuk syarikat, pertubuhan koperasi, kelab, persatuan, keluarga sekutu Hindu, badan amanah, estet di bawah pentadbiran, individu dan perkongsian.
 - 3.3 “Orang bermastautin” adalah orang yang bermastautin di Malaysia bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran seperti ditentukan di bawah seksyen 7 atau 8 ACP.
 - 3.4 “Orang tidak bermastautin” berhubung dengan penerima, adalah orang yang selain daripada orang yang bermastautin.
4. **Pendapatan di bawah perenggan 4(f) yang dikenakan cukai**
 - 4.1 Pengenalan seksyen baru 109F ACP mulai 01.01.2009 memperuntukkan mekanisma bagi memungut cukai pegangan daripada orang tidak bermastautin yang menerima pendapatan yang diperoleh dari Malaysia berkaitan laba atau keuntungan di bawah perenggan 4(f) ACP.
 - 4.2 Bagi tujuan Ketetapan ini, *laba atau keuntungan* di bawah perenggan 4(f) ACP yang diterima oleh orang tidak bermastautin ditafsirkan sebagai bermaksud *pendapatan kasar berhubung laba atau keuntungan* yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP.

-
- 4.3 Penentuan sama ada sesuatu bayaran kepada orang tidak bermastautin terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP bergantung kepada fakta dan keadaan setiap kes. Kriteria yang boleh digunakan sebagai panduan untuk menentukan jenis bayaran tersebut ialah:
- (a) bayaran bersifat hasil dan bukan modal;
 - (b) bayaran bukan pendapatan yang terjatuh di bawah perenggan 4(a) hingga 4(e) dan seksyen 4A ACP;
 - (c) bayaran diterima oleh orang tidak bermastautin adalah bersifat pendapatan pelbagai. Pendapatan sedemikian selalunya bersifat kasual. Pendapatan kasual bermaksud pendapatan sekali-sekala yang diterima di luar perjalanan biasa perdagangan atau pencariannya;
 - (d) bayaran untuk urus niaga terpencil; dan
 - (e) urus niaga tidak berulang bagi menunjukkan sifat komersial urus niaga tersebut.
- 4.4 Keuntungan yang timbul daripada suatu aktiviti di luar perdagangan atau pencarian biasa orang tidak bermastautin tetapi masih merupakan keuntungan atau pendapatan adalah termasuk sebagai pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP sekiranya ia tidak terjatuh di bawah perenggan 4(a) hingga 4(e) dan seksyen 4A ACP.
- 4.5 Pendapatan yang diterima boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP tanpa mengambil kira sama ada bayaran dibuat dalam bentuk tunai atau barangan.
- 5. Perolehan laba atau keuntungan di bawah perenggan 4(f)**
- 5.1 Mengikut seksyen 15B ACP, pendapatan kasar berkaitan laba dan keuntungan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP dianggap diperolehi dari Malaysia tanpa mengambil kira sama ada urus niaga dilaksanakan di Malaysia atau tidak sekiranya:
- (a) tanggungjawab membuat bayaran laba atau keuntungan terletak pada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan;
 - (b) tanggungjawab membuat bayaran laba atau keuntungan terletak pada orang bermastautin bagi suatu tahun asas; atau
 - (c) bayaran laba atau keuntungan dituntut sebagai belanja pasti atau perbelanjaan dalam akaun perniagaan yang dijalankan di Malaysia. Ini termasuk keadaan di mana orang tidak bermastautin yang mempunyai tempat perniagaan di Malaysia membuat bayaran laba atau keuntungan kepada orang tidak bermastautin dan bayaran tersebut dituntut sebagai perbelanjaan dalam akaun untung rugi.

5.2 Bagi tujuan memotong cukai pegangan, tarikh kuat kuasa untuk perolehan pendapatan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP adalah tarikh atau tempoh apabila pembayar bermastautin bertanggungjawab membuat bayaran kepada orang tidak bermastautin.

6. Penjelasan pendapatan yang terjatuh dibawah perenggan 4(f)

Beberapa senario di mana orang tidak bermastautin boleh dikenakan cukai di Malaysia atas pendapatan yang diterima mengikut perenggan 4(f) ACP adalah seperti berikut:

Senario 1:

Amir, seorang peniaga di Kuala Lumpur memiliki sebuah banglo di Johor Bahru yang telah terbiar kosong selama setahun. Aziz, bekas rakan sekolah Amir, iaitu pesara dan tinggal di Singapura mempunyai seorang jiran yang berminat untuk membeli rumah di Johor Bahru bagi tujuan pelaburan. Oleh itu, Aziz memperkenalkan jirannya kepada Amir dan jirannya menghubungi Amir untuk mengetahui lebih lanjut tentang banglo kosongnya. Pada 10.02.2009, perjanjian jual dan beli ditandatangani dan banglo itu dijual kepada jiran Aziz dengan harga RM1.5 juta. Pada 02.05.2009, Amir melawat Aziz di Singapura dan memberi cek bernilai RM36,900 selepas menolak cukai pegangan berjumlah RM4,100 iaitu pada kadar 10% daripada komisen kasar berjumlah RM41,000 sebagai balasan memperkenalkan pembeli kepadanya. Aziz tidak bermastautin di Malaysia di bawah ACP.

Komisen RM41,000 yang dibayar kepada Aziz, seorang bukan pemastautin dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP kerana:

- (a) komisen itu bersifat hasil;*
- (b) Aziz berperanan sebagai perantara di antara pembeli (jiran) dan penjual (Amir) harta tanah tersebut;*
- (c) Aziz tidak terlibat dalam perniagaan harta tanah;*
- (d) komisen itu adalah pendapatan casual Aziz; dan*
- (e) komisen dianggap diperolehi dari Malaysia sebab pembayar (Amir) adalah pemastautin Malaysia.*

Liabiliti untuk membuat bayaran kepada Aziz timbul pada tarikh perjanjian jual dan beli ditandatangani. Komisen kasar yang diterima oleh Aziz tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% mengikut seksyen 109F ACP.

Catatan: Walaupun terdapat Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) di antara Malaysia dan Singapura, Artikel 22 PPPDK tersebut (Pendapatan yang tidak disebut dengan nyata) tidak menghadkan hak mencukai Malaysia.

Senario 2:

Fakta adalah sama seperti di Senario 1 kecuali Amir memberi Aziz jam tangan Rolex berharga RM41,000 dan bukannya membayar jumlah yang sama dalam tunai untuk memperkenalkannya kepada pembeli rumah.

Bayaran dalam bentuk barangan yang dibuat oleh Amir kepada Aziz dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP berdasarkan sebab-sebab yang sama seperti di Senario 1. Amaun yang dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP adalah nilai jam tangan, iaitu RM41,000. Kos jam tangan Rolex yang diterima oleh Aziz tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% mengikut seksyen 109F ACP.

Senario 3:

Fakta adalah sama seperti di Senario 1 kecuali Amir menjual banglonya pada 15.11.2008. Amir menerima 10% daripada harga jualan berjumlah RM1.5 juta apabila perjanjian jual beli ditandatangani pada 15.11.2008. Amir membayar Aziz komisen berjumlah RM41,000 pada 20.02.2009.

Jualan harta tanah (perjanjian jual dan beli bertarikh 15.11.2008) berlaku sebelum 01.01.2009. Oleh kerana liabiliti untuk membuat bayaran kepada Aziz timbul pada 15.11.2008, komisen berjumlah RM41,000 tidak tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109F ACP.

Senario 4:

Fakta adalah sama seperti di Senario 1 kecuali Aziz memperkenalkan jirannya di Singapura kepada Amir dan membantu rundingan berhubung harga jualan banglo. Rundingan itu berlangsung dari 26.12.2008 hingga 06.01.2009. Selepas rundingan tersebut, banglo dijual kepada jiran Aziz pada 10.01.2009 (tarikh perjanjian jual beli) dan Aziz dibayar komisen RM41,000 pada 24.01.2009.

Komisen berjumlah RM41,000 yang dibayar kepada Aziz dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan di Senario 1. Liabiliti untuk membayar Aziz timbul pada tarikh perjanjian jual beli (10.01.2009). Oleh itu, komisen kasar yang diterima oleh Aziz tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% mengikut seksyen 109F ACP.

Senario 5:

Chan, seorang rakyat Malaysia dan penduduk tetap Singapura terlibat dalam perniagaan harta tanah di Malaysia dan Singapura. Beliau menerima komisen daripada pelanggannya di kedua-dua negara. Keluarga Chan menetap di Singapura dan Chan tidak bermastautin di Malaysia.

Komisen yang diterima oleh Chan daripada urusan niaga harta tanah di Malaysia dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP sejak bermulanya perniagaan

tersebut di Malaysia. Walaupun cukai pegangan di bawah seksyen 109F telah diperkenalkan mulai 01.01.2009, komisen yang diterima oleh Chan dari jualan harta tanah di Malaysia akan terus dikenakan cukai sebagai perolehan dan keuntungan dari perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP.

Senario 6:

Pada bulan Januari 2009, pengeluar kereta tempatan di Malaysia telah menandatangani persetujuan dengan sebuah pengeluar bas mewah Jepun untuk berusaha sama mengeluarkan kenderaan elektrik dan hibrid. Syarikat Usaha sama baru dikenali sebagai Pro-Mits Joint Venture Co (Pro-Mits) yang ditubuhkan di Malaysia akan memberi tumpuan kepada pembuatan, pemasaran dan pengagihan kereta penumpang, trak dan bas. Pro-Mits telah memperolehi pinjaman RM50 juta daripada sebuah bank terkenal di Jepun. Seorang pengarah syarikat pengeluar bas mewah Jepun telah mengeluarkan surat jaminan, atas kapasiti peribadi, kepada bank untuk menjamin bayaran sekiranya Pro-Mits gagal membayar balik pinjaman. Pro-Mits telah bersetuju membayar fi jaminan berjumlah RM5 juta secara sekaligus kepada pengarah tersebut.

Fi jaminan berjumlah RM5 juta yang dibayar kepada pengarah tersebut dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP sebab:

- (a) fi jaminan itu bersifat hasil;*
- (b) pengarah syarikat Jepun di negara Jepun adalah penjamin bagi pinjaman bank yang diambil oleh Pro-Mits;*
- (c) pengarah syarikat tidak terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan dalam kapasiti peribadinya;*
- (d) fi jaminan itu adalah pendapatan kasual yang diterima di luar kerja biasa pengarah tersebut;*
- (e) fi jaminan yang diterima oleh pengarah itu tidak terjatuh di bawah perenggan 4(a) hingga 4(e) atau seksyen 4A ACP; dan*
- (f) fi jaminan itu dianggap diperolehi dari Malaysia sebab pembayar adalah pemastautin Malaysia.*

Amaun kasar fi jaminan yang diterima oleh pengarah bukan pemastautin tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% mengikut seksyen 109F ACP.

Catatan: Fi jaminan tersebut tidak terjatuh dalam skop pengenaan cukai di bawah seksyen 4A ACP dan oleh itu tidak tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B ACP.

Senario 7:

Pada bulan Februari 2009, Mitch Ltd, sebuah syarikat di UK telah mengeluarkan surat jaminan kepada sebuah bank di UK untuk menjelaskan pinjaman (sekiranya terdapat kegagalan bayaran) yang diambil oleh Harris Ltd, sebuah syarikat tidak bermastautin yang mempunyai tempat perniagaan di Malaysia. Mitch Ltd tidak mengeluarkan surat jaminan tersebut dalam perjalanan biasa perniagaannya. Bagi urusan ini, Harris Ltd membayar Mitch Ltd fi jaminan bersamaan dengan 1.5% daripada amaun pinjaman. Fi jaminan ini dituntut sebagai perbelanjaan di akaun untung dan rugi Harris Ltd di Malaysia.

Fi jaminan yang dibayar kepada Mitch Ltd dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP sebab ia adalah:

- (a) bersifat hasil;*
- (b) pendapatan yang diterima bukan dalam perjalanan biasa aktiviti perniagaan Mitch Ltd;*
- (c) pendapatan kasual yang tidak terjatuh di bawah perenggan 4(a) hingga 4(e) atau seksyen 4A ACP; dan*
- (d) dianggap diperoleh dari Malaysia sebab fi jaminan dituntut sebagai perbelanjaan di akaun untung dan rugi Harris Ltd di Malaysia.*

Amaun kasar fi jaminan yang diterima oleh Mitch Ltd tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% mengikut seksyen 109F ACP.

Senario 8:

Fakta adalah sama seperti di Senario 7 kecuali dua tahun selepas tahun 2009 iaitu pada Jun 2011, Mitch Ltd bersetuju menjamin pinjaman kedua yang diambil oleh Harris Ltd daripada bank yang sama di UK. Harris Ltd membayar Mitch Ltd fi jaminan bersamaan dengan 2% daripada amaun pinjaman dan fi tersebut dituntut sebagai perbelanjaan di akaun untung dan rugi Harris Ltd di Malaysia.

Fi jaminan yang dibayar kepada Mitch Ltd dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP sebab ia adalah:

- (a) bersifat hasil;*
- (b) pendapatan yang diterima bukan dalam perjalanan biasa aktiviti perniagaan Mitch Ltd walaupun Mitch Ltd pernah menerima bayaran fi jaminan sebelumnya pada tahun 2009;*
- (c) pendapatan kasual yang tidak terjatuh di bawah perenggan 4(a) hingga (e) atau seksyen 4A ACP; dan*
- (d) dianggap diperoleh dari Malaysia sebab fi jaminan dituntut sebagai perbelanjaan di akaun untung dan rugi Harris Ltd di Malaysia.*

Amaun kasar fi jaminan yang diterima oleh Mitch Ltd tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% mengikut seksyen 109F ACP.

Senario 9:

Fakta adalah sama seperti di Senario 7 kecuali HARRIS Ltd telah mendapat pinjaman bank daripada bank di UK pada bulan Oktober 2008 dan bukan Februari 2009. Apabila Mitch Ltd bersetuju menjamin pinjaman tersebut, HARRIS Ltd menandatangani perjanjian untuk membayar fi jaminan dalam dua ansuran sama rata masing-masing di bayar pada 01.12.2008 dan 01.03.2009.

Liabiliti untuk membayar fi jaminan kepada Mitch Ltd timbul pada 01.12.2008 dan 01.03.2009. Oleh kerana cukai pegangan atas pendapatan yang diterima oleh orang tidak bermastautin di bawah perenggan 4(f) ACP berkuat kuasa mulai 01.01.2009, Mitch Ltd hanya tertakluk kepada cukai pegangan atas amaun kasar fi jaminan yang kena dibayar pada 01.03.2009.

Senario 10:

Mia Inc, agensi komisen am, mencari pelanggan di Amerika Syarikat bagi pihak Mona Inc, sebuah syarikat tidak bermastautin yang mempunyai tempat perniagaan di Malaysia. Mona Inc membayar komisen kepada Mia Inc berdasarkan urus niaga jualan yang diperolehi di Amerika Syarikat. Mona Inc telah mendapatkan salinan akaun beraudit Mia Inc dan salinan borang pendaftaran perniagaan bagi membuktikan Mia Inc adalah ejen komisen am.

Oleh sebab Mia Inc menjalankan perniagaan di Amerika Syarikat dan komisen yang diterima daripada Mona Inc adalah dalam perjalanan biasa aktiviti perniagaan Mia Inc, komisen yang diterima oleh Mia Inc diklasifikasikan sebagai pendapatan perniagaan dan tidak terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP.

Senario 11:

Lee, seorang rakyat Malaysia telah berkahwin dengan seorang rakyat Singapura dan menetap di Singapura. Beliau seorang suri rumah dan setiap tahun beliau melawat Malaysia untuk tempoh kurang daripada 90 hari. Pada bulan Januari 2009, Lee berjumpa kawannya Maggie di sekolah anak-anak mereka di Singapura. Mereka adalah rakan sejak di universiti. Maggie adalah seorang ejen insuran dan bermastautin di Malaysia. Lee memperkenalkan Maggie kepada ibu-ibu yang anak-anak mereka juga berulang alik setiap hari dari Johor Bahru ke sekolah di Singapura. Beberapa minggu kemudian, Maggie telah menghubungi ibu-ibu yang telah diperkenalkan kepadanya dan berjaya menjual polisi insuran kepada beberapa orang daripada mereka. Maggie membayar Lee komisen berjumlah RM1,800 pada 30.06.2009 kerana memperkenalkannya kepada ibu-ibu tersebut. Komisen kasar ialah RM2,000 dan cukai pegangan pada kadar 10% adalah RM200. Maggie menuntut komisen kasar berjumlah RM2,000 sebagai perbelanjaan dalam akaun untung dan ruginya dalam tahun 2009.

Komisen berjumlah RM2,000 yang dibayar kepada Lee dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP kerana:

- (a) komisen itu bersifat hasil;*
- (b) Lee berperanan sebagai perantara di antara Maggie dan pembeli polisi insurans;*
- (c) Lee tidak terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan;*
- (d) komisen itu adalah pendapatan kasual Lee dan tidak terjatuh di bawah seksyen 4A atau perenggan 4(a) hingga 4(e) ACP; dan*
- (e) komisen itu dianggap diperolehi dari Malaysia sebab komisen dituntut sebagai perbelanjaan di akaun untung dan rugi perniagaan Maggie.*

Komisen kasar yang diterima oleh Lee tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% mengikut seksyen 109F ACP.

Catatan: Walaupun terdapat Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK) di antara Malaysia dan Singapura, Artikel 22 PPPDK tersebut (Pendapatan yang tidak disebut dengan nyata) tidak menghadkan hak mencukai Malaysia.

Senario 12:

Syamil, pengarah sebuah syarikat produk makanan halal di Melaka bertemu Lokman, pengarah syarikat permaidani dari Singapura di seminar di Kuala Lumpur pada Januari 2009. Semasa seminar tersebut, Syamil menyuarakan hasratnya untuk mengembangkan perniagaannya ke Singapura. Sekembalinya ke Singapura, Lokman memperkenalkan produk makanan halal kepada sepupunya yang merupakan pengurus besar di sebuah pasar raya besar di Singapura. Sepupu Lokman menghubungi Syamil dan pada Jun 2009, syarikat Syamil menandatangani kontrak dengan pasar raya besar Singapura itu untuk membekalkan produk makanan halal bernilai RM10 juta untuk tempoh 5 tahun. Syarikat makanan halal di Malaysia membayar syarikat permaidani Lokman di Singapura komisen berjumlah RM18,000 (komisen kasar RM20,000 tolak cukai pegangan pada kadar 10% berjumlah RM2,000) kerana memperkenalkan produk makanan halal kepada sepupunya. Lokman telah mengemukakan salinan pendaftaran perniagaan syarikatnya di Singapura kepada syarikat produk makanan halal untuk membuktikan bahawa syarikatnya terlibat dalam perniagaan permaidani secara borong dan runcit.

Komisen berjumlah RM20,000 yang dibayar kepada syarikat permaidani Lokman dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP kerana:

- (a) komisen itu bersifat hasil;*
- (b) Lokman, pengarah syarikat permaidani berperanan sebagai perantara di antara sepupunya dan Syamil;*

- (c) Syarikat permaidani Lokman tidak terlibat dalam industri makanan halal sama ada di Malaysia atau Singapura tetapi menjalankan aktiviti perniagaan yang berlainan iaitu perniagaan permaidani di Singapura;
- (d) komisen itu adalah pendapatan kasual syarikat permaidani Lokman yang diterima di luar perjalanan biasa perniagaan permaidani; dan
- (e) komisen dianggap diperolehi dari Malaysia sebab komisen dituntut sebagai perbelanjaan di akaun untung dan rugi perniagaan syarikat produk makanan halal.

Komisen kasar yang diterima oleh syarikat permaidani Lokman tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% mengikut seksyen 109F ACP.

Catatan: Walaupun terdapat Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) antara Malaysia dan Singapura, Artikel 22 PPPDK tersebut (Pendapatan yang tidak disebut dengan nyata) tidak menghadkan hak mencukai Malaysia.

7. Potongan cukai pegangan

Orang yang membayar atau mengkreditkan atau dianggap telah membayar atau mengkreditkan suatu amaun kepada orang tidak bermastautin, berhubung apa-apa laba atau keuntungan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP dikehendaki memotong cukai pada kadar 10% atas amaun kasar sebelum membuat bayaran kepada orang tidak bermastautin. Pembayar perlu membayar cukai pegangan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dalam tempoh sebulan selepas membayar atau mengkredit penerima. Amaun cukai yang dipotong adalah cukai muktamad orang tidak bermastautin itu.

Contoh 1:

Fakta adalah sama seperti di Senario 1.

Komisen kasar	RM41,000
Tolak:	
Cukai pegangan (10%)	<u>RM4,100</u>
Bayaran yang perlu dibayar kepada Aziz	<u>RM36,900</u>

Amir perlu meremiti amaun RM4,100 kepada KPHDN dalam tempoh sebulan selepas tarikh bayaran komisen (02.05.2009) kepada Aziz. Tarikh akhir bayaran cukai pegangan adalah 01.06.2009.

Contoh 2:

Fakta adalah sama seperti di Senario 6 kecuali fi jaminan berjumlah RM5 juta yang perlu dibayar kepada pengarah syarikat Jepun dibayar secara dua ansuran sama rata iaitu masing-masing pada 15.03.2009 dan 20.09.2009.

Pro-Mits Joint Venture Co perlu meremit kepada KPHDN cukai pegangan pada kadar 10% dalam tempoh sebulan selepas tarikh setiap bayaran berjumlah RM2.5 juta (masing-masing 15.03.2009 dan 20.09.2009) kepada pengarah syarikat Jepun. Tarikh akhir setiap bayaran cukai pegangan berjumlah RM250,000 adalah pada 14.04.2009 dan 19.10.2009.

8. Pembayar tidak memotong dan meremit cukai

8.1 Jika pembayar gagal memotong dan meremit mana-mana amaun cukai pegangan yang kena dibayar kepada KPHDN di bawah subseksyen 109F(1) ACP, amaun yang gagal dibayar akan dinaikkan sebanyak 10% daripada amaun itu. Amaun yang gagal dibayar dan jumlah dinaikkan adalah hutang pembayar kepada Kerajaan dan kena dibayar serta merta kepada KPHDN mengikut subseksyen 109F(2) ACP.

Contoh 3:

Fakta adalah sama seperti di Senario 6 kecuali Pro-Mits Joint Venture Co gagal memotong dan meremit cukai pegangan RM500,000 mengikut seksyen 109F ACP atas bayaran RM5 juta kepada pengarah syarikat Jepun.

Jumlah yang gagal dibayar oleh Pro-Mits Joint Venture Co akan dinaikkan sebanyak RM50,000 (10% daripada RM500,000) dan jumlah keseluruhan RM550,000 (cukai pegangan sebanyak RM500,000 + jumlah dinaikkan sebanyak RM50,000) adalah hutang kepada Kerajaan Malaysia.

8.2 Kenaikan 10% atas amaun yang gagal dibayar oleh pembayar boleh dikurangkan sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut budi bicara KPHDN bergantung kepada fakta dan merit setiap kes.

8.3 Di mana pembayaran berhubung dengan pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109F ACP dan pembayar gagal memotong dan meremit cukai kepada KPHDN mengikut subseksyen 109F(1) ACP, bayaran sedemikian tidak dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan larasan daripada mana-mana punca pembayar mengikut perenggan 39(1)(j) ACP. Walau bagaimanapun, mengikut proviso kepada perenggan 39(1)(j) ACP, jika pembayar kemudiannya membayar cukai pegangan bersama dengan amaun yang dinaikkan, bayaran yang dibuat kepada orang tidak bermastautin itu boleh dibenarkan sebagai potongan.

Contoh 4:

Fakta adalah sama seperti di Senario 6 kecuali Pro-Mits Joint Venture Co tidak mematuhi peruntukan cukai pegangan apabila fi jaminan RM5 juta dibayar kepada pengarah syarikat Jepun.

Jumlah keseluruhan fi jaminan RM5 juta tidak dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan larasan bagi tahun taksiran 2009 mengikut perenggan 39(1)(j) ACP. Tindakan undang-undang boleh diambil oleh KPHDN di bawah subseksyen 106(1) ACP untuk mendapat kembali amaun cukai pegangan yang terhutang itu.

9. Cukai pegangan dan memfail Borang Cukai Pendapatan

Cukai pegangan di bawah seksyen 109F ACP adalah cukai muktamad. Jika penerima yang tidak bermastautin mempunyai pendapatan daripada punca selain pendapatan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP, Borang Cukai Pendapatan perlu difailkan (contoh Borang M bagi individu atau Borang C bagi syarikat). Pendapatan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP tidak perlu dimasukkan dalam Borang Cukai Pendapatan kerana cukai yang dipegang adalah cukai muktamad.

Contoh 5:

Fakta adalah sama seperti di Senario 1 kecuali Aziz juga memperoleh pendapatan sewa dari Malaysia berjumlah RM36,000 (bersih) pada tahun 2009.

Aziz perlu memfail Borang M bagi tahun taksiran 2009 dan melaporkan pendapatan sewanya. Pengiraan cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2009 adalah seperti berikut:

<i>Pendapatan sewa</i>	<u>RM36,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>RM36,000</u>
<i>Pengiraan cukai yang dikenakan:</i>	
<i>Cukai @ 27% atas RM36,000</i>	<u>RM9,720.00</u>
<i>Cukai yang kena dibayar</i>	<u>RM9,720.00</u>

10. Hutang kepada pembayar

Pembayar yang membuat bayaran kepada orang tidak bermastautin, berhubung apa-apa laba atau keuntungan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP dikehendaki memotong cukai pegangan. Sekiranya pembayar tidak memotong amaun cukai pegangan daripada bayaran kepada orang tidak bermastautin tetapi membayar sendiri amaun cukai pegangan yang sepatutnya dipotong kepada

KPHDN, pembayar boleh mendapatkan kembali amaun cukai pegangan tersebut daripada orang tidak bermastautin itu sebagai hutang kepada pembayar.

Contoh 6:

Fakta adalah sama seperti di Senario 6 kecuali Pro-Mits Joint Venture Co tidak memotong cukai pegangan daripada bayaran fi jaminan berjumlah RM5 juta kepada pengarah syarikat Jepun tetapi telah membayar sendiri cukai pegangan berjumlah RM500,000 kepada KPHDN.

Pro-Mits Joint Venture Co boleh mendapat kembali cukai pegangan berjumlah RM500,000 yang dibayar sendiri kepada KPHDN sebagai hutang kepadanya daripada pengarah syarikat Jepun.

11. Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK)

- 11.1 Kerajaan Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan beberapa negara asing untuk mengelakkan pencukaian dua kali (biasanya dirujuk sebagai PPPDK) jika pendapatan yang sama dikenakan cukai di Malaysia dan di negara asing tersebut.
- 11.2 Jika tidak terdapat PPPDK di antara Kerajaan Malaysia dengan negara asing, undang-undang domestik Malaysia hendaklah terpakai.
- 11.3 Pendapatan berhubung perolehan dan keuntungan di bawah perenggan 4(f) ACP adalah terjatuh di bawah Artikel *Pendapatan Lain* dalam PPPDK.
- 11.4 Oleh kerana susunan kata di dalam setiap Artikel *Pendapatan Lain* mungkin berbeza mengikut setiap PPPDK, rujukan hendaklah dibuat kepada PPPDK yang berkaitan.

12. Bayaran cukai pegangan

- 12.1 Pembayar dikehendaki meremitkan kepada KPHDN amaun yang dipegang bersama dengan Borang CP37F dalam tempoh sebulan selepas membayar atau mengkredit bayaran kepada orang tidak bermastautin. Butiran berikut perlu dikemukakan dalam Borang CP37F:
 - (a) Nama, alamat dan nombor rujukan cukai pendapatan pembayar;
 - (b) Nama penuh, nombor pasport (sekiranya berkenaan), alamat, negara dan nombor rujukan cukai pendapatan penerima;
 - (c) Salinan invois atau nota debit (jika berkenaan); dan
 - (d) Slip kiriman bank atau bukti dokumen lain yang menunjukkan tarikh dan amaun dibayar atau dikreditkan.

Borang CP37F boleh dimuat turun daripada laman web LHDNM di alamat <http://www.hasil.gov.my>.

- 12.2 Borang CP37F bersama-sama bayaran cukai pegangan hendaklah dikemukakan kepada Cawangan Pungutan di alamat berikut, mengikut lokasi cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan pembayar:

NEGERI	ALAMAT
Semenanjung Malaysia	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Pungutan Tingkat 15, Blok 8A Kompleks Bangunan Kerajaan Jalan Duta, Karung Berkunci 11061 50990 Kuala Lumpur
Sabah & WP Labuan	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Unit Pungutan Tingkat Bawah, 3 & 4 Wisma Hasil Jalan Tuanku Abdul Rahman 88600 Kota Kinabalu
Sarawak	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Unit Pungutan Aras 1, Wisma Hasil No. 1, Jalan Padungan 93100 Kuching

Berbeza daripada bayaran cukai lain, cukai pegangan tidak boleh dibayar melalui bank.

- 12.3 Dalam kes di mana nombor rujukan cukai pendapatan penerima tidak diperoleh semasa memenuhi Borang CP37F, pembayar boleh meninggalkan ruang yang berkenaan kosong. Cawangan Pungutan akan mendaftar nombor rujukan cukai pendapatan penerima dengan segera sebaik sahaja Borang CP37F diterima. Sekiranya perlu, pembayar boleh memohon untuk mendapatkan nombor rujukan cukai pendapatan penerima daripada Cawangan Tidak Bermastautin secara bertulis atau dengan menghantar surat permohonan bersama maklumat penuh penerima melalui faksimile kepada:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Cawangan Tidak Bermastautin
Tingkat 10, Blok 11
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta
50600 Kuala Lumpur
Nombor Faks: 03-6201 9745 / 6201 2417

12.4 KPHDN boleh membenarkan lanjutan masa bagi pembayaran cukai pegangan yang telah dipotong dalam keadaan tertentu bergantung kepada merit setiap kes.

13. Dokumen yang diperlukan

Sebelum pembayar dari Malaysia membuat bayaran kepada orang tidak bermastautin, sifat bayaran kepada penerima hendaklah ditentukan untuk memastikan sama ada bayaran tersebut tertakluk kepada cukai. Sekiranya bayaran tersebut merupakan pendapatan perniagaan kepada penerima, cukai tidak perlu dipotong daripada bayaran kepada orang tidak bermastautin itu. Antara dokumen yang boleh disimpan bagi tujuan audit untuk membuktikan sifat bayaran kepada orang tidak bermastautin adalah seperti berikut:

- (a) salinan kontrak atau perjanjian perniagaan;
- (b) salinan surat daripada juruaudit yang mengesahkan pendapatan yang diterima oleh orang tidak bermastautin adalah dalam perjalanan biasa perniagaan atau profesinya;
- (c) salinan akaun beraudit orang tidak bermastautin;
- (d) salinan notis taksiran orang tidak bermastautin; dan
- (e) salinan pendaftaran perniagaan atau lesen orang tidak bermastautin.

Dokumen yang disenaraikan di atas adalah untuk memberi panduan berhubung dokumen yang diperlukan bagi membuktikan sifat bayaran yang diterima oleh orang tidak bermastautin dan ia bukan menyeluruh. Dokumen ini mestilah disahkan sebagai salinan benar oleh agensi yang mengeluarkan dokumen tersebut atau notari awam. Setiap kes akan disemak berdasarkan fakta dan keadaan kes itu sendiri. Fakta kes mungkin menunjukkan bahawa pendapatan yang diterima oleh orang tidak bermastautin adalah pendapatan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP walaupun dokumen yang dikemukakan membuktikan sebaliknya.

14. Laba atau keuntungan yang diterima daripada syarikat luar pesisir

Mengikut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2009 [P.U.(A) 389/2009], apa-apa laba atau keuntungan yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP yang diterima oleh orang tidak bermastautin daripada syarikat luar pesisir adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan mulai 01.01.2009. *Syarikat luar pesisir* adalah seperti yang didefinisikan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (LOBATA) iaitu syarikat luar pesisir yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan termasuk syarikat luar pesisir asing



**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN DI BAWAH PERENGGAN 4(f)**

INLAND REVENUE BOARD MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 1/2010
Tarikh Keluaran: 19 April 2010**

yang didaftarkan di bawah Akta tersebut, bank luar pesisir Malaysia yang berlesen, perkongsian terhad luar pesisir dan amanah luar pesisir.

15. Tarikh kuat kuasa

Ketetapan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**